



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	10/5/2021	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	KeTSA / TNB			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

KeTSA agih 500 beg barangan keperluan asas

Pekam: Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) menyumbangkan 500 beg barangan keperluan asas untuk diagihkan kepada golongan asnaf di empat daerah di negeri ini sebagai persiapan menyambut Aidilfitri.

Bantuan diberikan melalui Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang turut padang menyalurkankannya kepada wakil di setiap daerah terpilih.

Pengurus Besar (Kawal Selia Persekutuan) TNB, Datuk Sharuddin Mohd Simin, berkata penerima dari daerah Lipis dan Pualau Tioman masing-masing menerima 100 beg barangan keperluan asas, manakala Pekan serta Cameron Highlands pula masing-masing menerima 150 beg. Beliau berkata, bantuan membabitkan barangan keperluan asas seperti beras, minyak masak, gula, susu, tepung dan ketupat segera dengan nilai keseluruhan bantuan di empat daerah

di Pahang sebanyak RM25,000.

"Kita berharap bantuan diberikan kepada golongan asnaf ini dapat menceriakan lagi sambutan Aidilfitri yang akan tiba tidak lama lagi walaupun negara terkesan dengan wabak COVID-19.

"Kerajaan sentiasa prihatin dengan nasib golongan asnaf, pelbagai bantuan dan kemudahan disediakan untuk mereka oleh pelbagai agensi," katanya selepas menyerahkan bantuan 150 beg kepada wakil Parlimen Pekan, Datuk Nor Azita Abdul Rahman, di sini kelmarin.

Yang turut hadir, Pengurus Besar TNB Pahang, Datuk Badarul Sham Saad.

Sementara itu, Nor Azita berkata, pihaknya mengagihkan bantuan kepada golongan asnaf di 10 kampung di daerah ini khasnya di kawasan Program Permahan Rakyat Termiskin (PPRT), secara berperingkat bermula semalam.



Sharuddin menyerahkan replika program sumbangan Ramadan kepada Nor Azita untuk diagihkan kepada asnaf di 10 kampung daerah Pekan. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)